

JABATAN BENDAHARI

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2020

JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2020

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi makluman tentang tarikh pembayaran gaji bagi Tahun 2020.

2.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa untuk tahun 2020.

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis pada mesyuarat kali ke-70. (Bilangan 1/2020) pada 26 Februari 2020 telah meluluskan cadangan tarikh pembayaran gaji bagi tahun 2020 berdasarkan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2019.

3.2 Minit 1238 Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti kali ke -70 (Bilangan.1/20) pada 26 Februari 2020 telah meluluskan kertas cadangan tarikh dan peraturan pembayaran gaji bagi tahun 2020 berdasarkan pekeling Jabatan Akauntan Negara Malaysia bilangan 7 tahun 2019 untuk dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengurusan Universiti Malaysia Perlis UniMAP. Perkara ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti kali ke 70 (Bil. 1/2020).

- 3.3 Minit 551 Jawatankuasa Pengurusan Universiti kali ke -146 Bil. 20/2019 pada 12 Disember 2019 telah meluluskan kertas cadangan tarikh dan peraturan pembayaran gaji bagi tahun 2020 berdasarkan surat pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia bilangan 7 tahun 2019 untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti Malaysia perlis UniMAP.
- 3.4 Pada 22 November 2019, Pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.2(02) berkaitan Arahan Perbendaharaan 105 dan surat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.BSKK.600-2/2/3 Jld. 3(37) bertarikh 19 November 2019 – Permohonan Pengecualian AP105 Tarikh Pembayaran Gaji Tahun 2020 berkaitan tarikh dan peraturan pembayaran gaji Tahun 2020 seperti di **Lampiran A**.
- 3.5 Peraturan pembayaran gaji ini perlu dipatuhi oleh Kementerian/Jabatan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan gaji dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

4.0 JADUAL BAYARAN

Tarikh Pembayaran Gaji Bulanan Bagi Tahun 2020 di **Lampiran A**.

5.0 TANGGUNGJAWAB


Pembayaran gaji bagi tahun 2020 telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara sebagai asas pembayaran gaji bagi memastikan setiap staf mendapat manfaat dan pembayaran gaji dapat dibuat tepat pada waktunya.

JADUAL PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2020

Bulan	Tarikh	Hari	Catatan
Januari	16.01.2020	Khamis	<i>Tahun Baru Cina 25 & 26 Januari 2020 (Sabtu & Ahad)</i>
Februari	24.02.2020	Isnin	
Mac	25.03.2020	Rabu	
April	23.04.2020	Khamis	
Mei	14.05.2020	Khamis	<i>Hari Raya Puasa 24 & 25 Mei 2020 (Ahad & Isnin) Hari Pesta Kaamatan 30 & 31 Mei 2020 (Sabtu & Ahad)</i>
Jun	22.06.2020	Isnin	<i>Hari Gawai 1 & 2 Jun 2020 (Isnin & Selasa)</i>
Julai	23.07.2020	Khamis	<i>Hari Raya Haji 31 Julai & 1 Ogos 2020 (Jumaat & Sabtu)</i>
Ogos	25.08.2020	Selasa	
September	24.09.2020	Khamis	
Oktober	26.10.2020	Isnin	
November	25.11.2020	Rabu	<i>Hari Deepavali 14 November 2020 (Sabtu)</i>
Disember	17.12.2020	Khamis	<i>Hari Krismas 25 Disember 2020</i>

Jadual 1: Tarikh Pembayaran Gaji Bulanan Bagi Tahun 2020

JANM.BKP.600-14/1/11 Jld. 2 (02)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA BILANGAN 7 TAHUN 2019**

**TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI
TAHUN 2020**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

1. TUJUAN.....	1
2. TARIKH PEMBAYARAN GAJI	1
3. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI.....	2
4. HAL-HAL LAIN	3
5. TARIKH KUAT KUASA	4
6. PEMAKAIAN	4
LAMPIRAN 1:	5

JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.2 (02)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 7 TAHUN 2019**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Akauntan Negeri/ Bendahari Negeri

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2020

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan:-

- 1.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2020; dan
- 1.2 Peraturan yang perlu dipatuhi oleh Kementerian/Jabatan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan gaji dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

2. TARIKH PEMBAYARAN GAJI

Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Lampiran 1** dan ditetapkan berdasarkan Arahan Perbendaharaan 105 dan surat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.BSKK.600-2/2/3 Jld. 3(37) bertarikh 19 November 2019 – Permohonan Pengecualian AP105 Tarikh Pembayaran Gaji Tahun 2020.

3. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI

3.1.1 Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- (1) Mengunci masuk Borang Perubahan Gaji (Kew.320) yang diterima daripada Pusat Gaji beserta dokumen sokongan mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perakaunan bagi mengelakkan sebarang kelewatan.
- (2) Memastikan Borang Perubahan Gaji (Kew.320) berkaitan kes kemasukan pegawai yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perakaunan dikemaskini dan diproses secara berasingan (*late cycle*) untuk membolehkan bayaran dibuat selewat-lewatnya pada hari akhir bekerja bulan tersebut;
- (3) Menyemak maklumat dalam Fail Induk Gaji sebaik sahaja e-Penyata Gaji & Laporan yang berkenaan dapat dimuat turun dari Portal Rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) (www.anm.gov.my) dan mengambil tindakan serta merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu.

Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam Fail Induk Gaji termasuk perkara berikut:

- (i) butiran peribadi;
- (ii) nombor akaun bank; dan
- (iii) nombor rujukan:
 - (a) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
 - (b) Cukai Pendapatan;
 - (c) Pinjaman Perumahan Kerajaan dan sebagainya;

- (4) Memastikan semua arahan bagi potongan gaji adalah lengkap dan tepat dengan nama, nombor kad pengenalan baharu dan nombor rujukan potongan.

Kesilapan dan kegagalan dalam memberi maklumat tersebut mengakibatkan:

- (i) potongan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul;
- (ii) menyebabkan berlakunya kelewatan semasa penyediaan kertas pencen penjawat awam.

- (5) Memastikan Borang Perubahan Gaji (Kew.320) disokong dengan dokumen berikut:
 - (i) salinan kad pengenalan baharu; dan
 - (ii) dokumen yang membuktikan nombor rujukan potongan

- (6) Memastikan semua pembayaran gaji penjawat awam yang berjawatan tetap dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer. Sekiranya terdapat keperluan pembayaran gaji melalui baucar bayaran berasingan bagi kes-kes tertentu, kebenaran dan kelulusan Ketua Akauntan Kementerian/Pengarah JANM Negeri/Cawangan hendaklah didapatkan terlebih dahulu.

3.1.2 Tanggungjawab Pejabat Perakaunan

- (1) Menetapkan tarikh pemprosesan larian gaji bulanan untuk dipatuhi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- (2) Memastikan semua pembayaran gaji penjawat awam yang berjawatan tetap dibayar melalui Sistem Gaji Berkomputer dan sebarang pembayaran melalui baucar bayaran berasingan boleh dibenarkan bagi kes-kes tertentu dengan kelulusan Pengarah JANM Negeri/Cawangan/Ketua Akauntan Kementerian.

3.1.3 Pembayaran Gaji Bagi Pekerja Bergaji Hari

- (1) Bayaran hendaklah diproses bermula pada 1 haribulan atau hari bekerja pertama bulan berikutnya; dan
- (2) Tarikh pembayaran gaji adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 3, Perbendaharaan 2
No.1, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya
u.p. : Unit Pengurusan Prestasi
emel : bkp_prestasi@anm.gov.my
No. Tel. : 03 - 8886 1624/1612/1622/1611

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A.(M))
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

22 November 2019

s.k:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara/Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)
Semua Pegawai Kewangan Negeri
Semua Badan Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



LAMPIRAN 1:
TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN
BAGI TAHUN 2020

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
2019

LAMPIRAN 1: TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2020

**TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN
BAGI TAHUN 2020**

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
Januari	16.01.2020	Khamis	<i>Tahun Baru Cina 25 & 26 Januari 2020 (Sabtu & Ahad)</i>
Februari	24.02.2020	Isnin	
Mac	25.03.2020	Rabu	
April	23.04.2020	Khamis	
Mei	14.05.2020	Khamis	<i>Hari Raya Puasa 24 & 25 Mei 2020 (Ahad & Isnin) Hari Pesta Kaamatan 30 & 31 Mei 2020 (Sabtu & Ahad)</i>
Jun	22.06.2020	Isnin	<i>Hari Gawai 1 & 2 Jun 2020 (Isnin & Selasa)</i>
Julai	23.07.2020	Khamis	<i>Hari Raya Haji 31 Julai & 1 Ogos 2020 (Jumaat & Sabtu)</i>
Ogos	25.08.2020	Selasa	
September	24.09.2020	Khamis	
Oktober	26.10.2020	Isnin	
November	25.11.2020	Rabu	<i>Hari Deepavali 14 November 2020 (Sabtu)</i>
Disember	17.12.2020	Khamis	<i>Hari Krismas 25 Disember 2020 (Jumaat)</i>